

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang**

**Yang Berhormat Yang
Di-Pertua:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih lagi membahaskan Perkara VII Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan Rang Undang-Undang ini sedang kita bincangkan di Peringkat Jawatankuasa, maka bagi membolehkan kita untuk meneruskan perbincangan kita untuk meneliti Rang Undang-Undang ini satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dahulu dan kita akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang
sebagai Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang RANG Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu per satu yang kita ketahui bahawa RANG Undang-Undang ini telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Kita masih lagi membahaskan Tajuk-Tajuk bagi Jadual Jabatan Perdana Menteri bagi Tajuk SA08A hingga Tajuk SA25A. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat

Menteri Kewangan II ingin untuk ikut serta dalam menjawab beberapa soalan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola menjawab beberapa soalan yang isu-isu yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa membincangkan Belanjawan Negara 2018/2019 seperti berikut:-

1. Kaola ingin merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai *Economic Blueprint* dan *Cluster Development Plan* bagi mengukur pencapaian yang berkaitan dengan matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035. Kaola ingin mengongsikan bahawa perancangan pembangunan ekonomi negara bersandarkan kepada Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035.

Bagi mencapai matlamat yang telah digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 beberapa tindakan pembangunan ekonomi telah dikenal pasti. Ini termasuklah penyediaan Pelan Pembangunan *Cluster* ataupun *Cluster Development Plan* di bawah matlamat wawasan ketiga iaitu Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan. Dalam perkara ini, beberapa *cluster* ekonomi telah pun dikenal pasti dan dirangka di bawah strategi

ekonomi *micro economy*. Rangka ini termasuklah penyediaan strategi dan pelan-pelan tindakan serta sebanyak 4 *Key Performance Indicators* telah ditetapkan bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah setiap bidang *cluster* berkenaan iaitu:

- i. Sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);
- ii. Peningkatan kepada hasil pendapatan kerajaan;
- iii. Impak kepada penjanaaan pekerjaan; dan
- iv. Sumbangan kepada eksport negara.

Antara lain *cluster* ekonomi ini termasuklah *cluster* tenaga, agrimakanan, logistik dan pengangkutan, pelancongan, halal dan ekonomi digital.

Satu lagi pertanyaan Yang Berhormat tersebut mengenai sasaran imbalan fiskal Bagi Tahun Kewangan 2019/2020. Untuk menjawabnya fiskal negara Bagi Tahun Kewangan 2019/2020 masih mengalami defisit. Ini mengambil kira harga pasaran minyak dunia yang masih lagi tidak stabil dan rendah jika dibandingkan dengan harganya pada tahun 2013 dan sebelumnya.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai sumber

pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar negara ia diunjur akan pulih dan meningkat pada kadar positif dalam tempoh jangka masa pendek dan sederhana. Untuk makluman unjuran ini bersandarkan kepada beberapa sektor seperti pertanian, perhutanan dan perikanan dan sektor industri yang masing-masing dijangkakan akan mencatatkan pertumbuhan positif mengambil kira aktiviti-aktiviti *FDI* yang mula membuahakan hasil.

Sektor perkhidmatan juga diunjurkan akan meningkatkan secara positif yang didukung oleh perkembangan dalam subsektor kewangan sejajar dengan jangkaan pertumbuhan dalam pemberian pinjaman perbankan dan aktiviti insurans *conventional* dan takaful ia juga selaras dengan perancangan aktiviti yang digariskan dalam *Financial Sector Blueprint* oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam;

2. Merujuk kepada cadangan mengenai menubuhkan sebuah bank pertanian dan peranan bank usahawan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis dan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, sukacita kaola ingin mengongsikan bahawa **الحمد لله** Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan Bank Usahawan yang syariah *compliance* yang telah mula

beroperasi pada awal tahun 2018. Bank ini berperanan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan kepada pengusaha-pengusaha Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana yang terdiri daripada warga negara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Kelayakan bagi pemohon kemudahan-kemudahan antaranya seperti berikut:

- i. Permohonan hendaklah memiliki perniagaan atau syarikat;
- ii. Perniagaan tersebut hendaklah berdaftar dan berlesen mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan di Negara Brunei Darussalam; dan
- iii. Perniagaan tersebut hendaklah beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

Bank Usahawan dengan kerjasama *stakeholders* yang lain juga berperanan untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana. Terutamanya mengenai perkara-perkara asas perniagaan dan *entrepreneurship*.

Dalam hubungan ini sukacita mengongsikan bahawa setakat ini Bank Usahawan telah menerima sebanyak 134 permohonan. Sebanyak 11 permohonan daripadanya yang berkaitan dengan sektor pertanian.

Oleh yang demikian, sangat digalakkan bagi petani-petani yang berkelayakan untuk menghadapkan permohonan pembiayaan kewangan kepada Bank Usahawan memandangkan sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang termasuk di bawah skop pembiayaan kewangan Bank Usahawan;

3. Merujuk kepada soalan mengenai statistik sebenarnya kedudukan orang-orang asing yang berniaga di negara secara sah, yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Sejak tahun 2013, pemilik tunggal serta perkongsian yang berdaftar bawah Akta Nama-Nama Perniagaan hanya boleh dimiliki oleh Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap sahaja. Manakala bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat, ia tidak menghalang warga negara asing untuk menjadi pemegang saham selaras dengan praktis negara-negara jiran dan juga antarabangsa.

Berikut statistik syarikat-syarikat yang sekurang-kurangnya seorang pemegang sahamnya adalah warga negara asing:

- i. Pada tahun 2016, sebanyak 24.33%;

- ii. Pada tahun 2017, sebanyak 27.32%; dan
- iii. Pada tahun 2018, sebanyak 25.47%.

Bahagian Pendaftar Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (*ROCBN*) di bawah Kementerian Kewangan telah pun membuat kajian dengan menggunakan kaedah *Data Analytics* untuk menganalisis purata pemegang saham syarikat yang berdaftar di negara ini. Kajian tersebut telah dikongsikan dengan kementerian-kementerian yang berkepentingan di negara ini.

4. Merujuk pula kepada soalan daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, mengenai cadangan untuk menjadikan *GLCs* atau *FDIs* sebagai *platform* untuk meningkatkan kapasiti dan kemahiran anak-anak tempatan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ setakat ini, terdapat beberapa inisiatif ke arah pembangunan kapasiti dan peningkatan keupayaan anak-anak tempatan yang sedang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (*GLCs*) dan Pelaburan Langsung Asing (*FDIs*) seperti program bimbingan atau *mentorship*, program *Management Trainees*, dan *succession planning*. Kerjasama ini juga melibatkan institusi-institusi pendidikan untuk menyesuaikan sukatan-sukatan

pelajaran untuk memenuhi keperluan pihak berkenaan.

Walau bagaimanapun, program-program dan inisiatif-inisiatif ini akan sentiasa diteliti dan dinilai untuk memastikan keberkesanannya dicapai bagi memastikan pembangunan kapasiti anak-anak tempatan terus diberi keutamaan.

5. Merujuk kepada cadangan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, iaitu untuk mencipta satu amanah saham kebangsaan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan bekerjasama dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) bagi Penubuhan Bursa Saham, إِن شَاءَ اللَّهُ akan dilancarkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Walau bagaimanapun, penubuhan ini tertakluk kepada perkembangan dan pelaksanaan inisiatif dalam penyediaan-penyediaan infrastruktur dari segi perundangan, sistem, operasi dan ketersediaan *stakeholders* terhadap bursa saham nanti.

Beberapa persediaan awal telah pun dibuat seperti penyediaan peraturan-peraturan bursa saham, sistem dan infrastruktur dan pendidikan awal. Pihak Kementerian

Kewangan dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam akan terus mengukuhkan rangka dasar-dasar, peraturan-peraturan dan prasarana operasi secara berterusan. Antara lain faedah-faedah tersebut seperti berikut:

- i. Membantu dalam membukakan lagi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan meningkatkan kemahiran dan kepakaran khas di negara ini;
- ii. Menyediakan landasan bagi menggalakkan aktiviti pelaburan yang boleh disertai oleh pihak institusi dan orang ramai;
- iii. Menyediakan platform bagi mendapatkan sumber permodalan alternatif bagi membantu menjana pembangunan dan pertumbuhan syarikat-syarikat serta membantu dalam peningkatan urus tadbir syarikat-syarikat tersebut; dan
- iv. Membantu dalam *wealth distribution* dan aliran modal yang berkesan di dalam negeri.

Dengan penubuhan bursa saham ini akan membolehkan para pelabur menyertai pelaburan-pelaburan dalam saham ekuiti dan juga alternatif seperti *exchange traded funds (ETFs)*, saham ekuiti asing, bon, dana pelaburan, *securitised products* dan *real estate investment*

trusts (REITs) pada masa yang tertentu; dan

6. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam proses Belanjawan Negara, adakah kiranya dapat sesi perjumpaan dalam penyediaan permohonan peruntukan dari setiap kementerian itu dapat dibuat awal sebelum Mesyuarat Belanjawan diadakan bagi memastikan mana-mana isu atau cadangan yang pernah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara telah pun diusahakan.

Kaola menyambut baik mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut kerana ia setentunya akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kementerian-kementerian berkenaan dalam mencapai hala tuju dan kesepaduan dalam menyediakan perbelanjaan kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Akhir sekali kaola ingin menambah sedikit penjelasan yang disampaikan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein, Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, mengenai usulan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput terhadap projek-projek di luar jangkaan.

Adalah perlu bagi setiap kementerian dan jabatan mempunyai perancangan

bagi projek-projek yang akan dilaksanakan. Ini untuk memastikan peruntukan yang disediakan mengikut fokus-fokus utama yang telah digariskan. Dalam pada itu, projek yang di luar jangkaan ini pada lazimnya di sebabkan oleh bencana alam seperti banjir, tanah susur dan juga wabak penyakit.

Kementerian Kewangan ada menyediakan peruntukan bagi menangani bencana alam dan wabak penyakit berjangkit sejumlah \$3 juta untuk membiayai keperluan di luar jangkaan bagi maksud ini. Walau bagaimanapun, pada lazimnya jika terdapat keperluan peruntukan di luar jangkaan Kementerian Kewangan akan sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk sama-sama meneliti keperluan tersebut. Ini tertakluk kepada keutamaan projek-projek yang akan dilaksanakan.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang berkaitan dengan pembangunan di Pulau Muara Besar. Antara soalan-soalan Yang Berhormat tersebut adalah:

1. Kemasukan jentera kapal-kapal berlabuh diperiksa dengan teliti sebelum mendarat; dan
2. Pekerja Hengyi dari luar negeri untuk memastikan mereka tidak membawa masuk barang atau benda yang ditegah oleh peraturan

dan atau undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Untuk menjawabnya:

1. Setiap kapal yang mendarat ke perairan Negara Brunei Darussalam termasuk Pulau Muara Besar, hendaklah menghadapkan borang *manifest* dan mengikrarkan apa jua barangan yang dibawa masuk atau keluar melalui sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)*;
2. Manakala setiap penumpang yang datang ke Negara Brunei Darussalam sama ada melalui jalan darat, udara dan laut tidak akan terlepas daripada pemeriksaan kastam untuk memastikan tidak ada barangan tegahan dibawa dan bercukai yang tidak diisytiharkan dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam; dan
3. Pemeriksaan barangan pihak Hengyi yang dibawa melalui kapal laut dan berpungah di Pelabuhan Muara akan melalui pemeriksaan kastam berdasarkan dokumentasi dan barangan diikrarkan. Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja pada lazimnya akan melaksanakan pemeriksaan rapi ke atas barangan yang dikategorikan sebagai "*loose kargo*", manakala barangan dalam kontena akan melalui mesin pengimbas (*x-ray*) sebelum dipindahkan ke Pulau Muara Besar dengan menggunakan bantuan.

Untuk makluman, pegawai kastam masa ini telah pun ditempatkan secara tetap di Pulau Muara Besar mulai 20 Januari 2018.

Satu soalan lagi daripada Yang Berhormat tersebut adakah Pulau Muara Besar menjadi Zone Bebas Cukai untuk kesenangan pihak Hengyi pada masa jangka panjang?

Untuk menjawabnya, Pulau Muara Besar bukanlah merupakan Zone Bebas Cukai (*Free Trade Zone*). Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat *FDI*, Syarikat Hengyi hanya diberikan status *pioneer* yang mana antaranya dikecualikan daripada membayar cukai *import* kastam.

Sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan bagi menjawab soalan-soalan serta cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II atas penjelasan-penjelasan yang diberikan untuk menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perhubungan ingin membuat kenyataan bagi menjawab beberapa soalan yang ada hubung kaitnya dengan Kementerian Yang Berhormat itu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi, kerana memberi kaola peluang untuk menyampaikan sedikit tambahan kepada jawapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada pagi tadi. Kaola ingin menambah jawapan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari merujuk Tajuk SA10A, Kod 118 iaitu mengenai Teknologi Maklumat dan Informasi, khususnya mengenai saranan jangka masa yang panjang bagi pendidikan bagaimana untuk mengendalikan mesej tular juga patut dibuat iaitu melalui media sosial khususnya.

Lebih dahulu kaola/saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, di atas saranan tersebut dan ianya adalah sangat-sangat diambil baik. الْحَمْدُ لِلّٰهِ memang saranan ini bertepatan dan selari dengan apa jua pemikiran dan usaha-usaha yang sedang diungkayahkan oleh satu Majlis Penasihat di peringkat kebangsaan iaitu Majlis Penasihat kepada isu-isu yang berhubung kait dengan perisian ataupun *Content Advisory Council (CAC)*.

Majlis Penasihat tersebut diterajui bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perhubungan. Dengan mempunyai keahlian yang

terdiri daripada beberapa kementerian dan agensi yang berkepentingan dan berperanan antara lainnya memberi nasihat dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kandungan perisian termasuk *internet* dan sosial media melalui kerjasama antara pelbagai agensi di Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, sukacita saya kongsi bahawa di bawah usaha Majlis Penasihat melalui kumpulan kerjanya dengan kerjasama beberapa pihak kerajaan dengan agensi berkenaan. Satu pakej pelajaran bagi kesedaran awam mengenai penggunaan media sosial secara berhemah telah pun dihasilkan. Perkara ini telah dan sedang giat dilaksanakan iaitu urusetia pihak Majlis Penasihat berperanan memantau dan keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini.

Sekian yang kaola/saya dapat sampaikan dan diucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar keterangan-keterangan daripada beberapa orang Yang Berhormat Menteri-Menteri. Namun demikian beberapa orang Ahli Yang Berhormat masih suka untuk membuat pertanyaan. Maka saya sekarang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Alhamdulillah Rabbil'alamin, Allahumma Salli'ala Sayyidina Muhammad Wa'ala Ali Sayyidina Muhammad. Kaola mengajukan Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian dengan soalan:-

1. Apakah kemajuan yang dicapai oleh koperasi di Brunei Darussalam sejak ia ditubuhkan sekitar tahun 1970-an?;
2. Apakah ada perancangan pihak kementerian untuk menjadikan koperasi sebagai sumber pendapatan rakyat yang signifikan? Sebagaimana jua di negara-negara yang memajukan bidang koperasi ini mampu menjadikan suatu yang sangat bermanfaat bagi memajukan ekonomi komuniti di negara-negara berkenaan; dan
3. Apakah kita sudah mempunyai Dasar Koperasi Kebangsaan? Jika ianya ada maka dengan dasar ini kita boleh menjadikan ia sebagai garis panduan bagi memajukan ekonomi rakyat secara berkoperasi. Kita ingin melihat koperasi menjadi satu wadah menjana membangun sosioekonomi bangsa sehingga menjadikan koperasi bersifat konsortium.

Dicadangkan penubuhan koperasi yang bersifat kebangsaan dengan keahliannya terdiri daripada penjawat-penjawat

awam dan rakyat kebanyakan dengan caruman serendah \$100 hingga \$200. Jika keahlian mencapai 30 ribu hingga 50 ribu orang dengan caruman sedemikian ia akan mencapai jumlah yang berjuta ringgit apa lagi caruman sehingga \$500 untuk perseorangan. Dengan wang terkumpul akan mencapai sekitar \$25 juta.

Salah satu aktiviti perniagaan yang patut segera dilaksanakan ialah perancangan pihak Jabatan Koperasi sebelum ini yang pernah ditaklimatkan beberapa tahun yang lalu kepada Penghulu dan Ketua Kampung iaitu penubuhan Pusat Edaran. Jika Pusat Edaran ini dapat direalisasikan secara kebangsaan ia akan menjadi *platform*, manfaat dan sumber pendapatan tambahan kepada rakyat kebanyakan. Dengan berkoperasi rakyat akan mempunyai pendapatan tambahan selain pekerjaan dan perniagaan persendirian. Mudah-mudahan dengan berkoperasi ia akan menjadi satu keperluan menunjang sosioekonomi rakyat.

Koperasi juga ditubuhkan di institusi-institusi pengajian tinggi dan menengah yang dikira menjadikan penuntut-penuntut *oriented* dalam perniagaan berkoperasi. Contohnya koperasi buku dan segala keperluan-keperluan komuniti penuntut. Didoakan dengan adanya koperasi yang bersifat kebangsaan sebagai wadah utama kumpulan wang rakyat diperniagakan. Secara koperasi akan menjadikan kita sebagai bangsa dan negara maju,

berpendapatan tinggi dan berjaya dalam menuju Wawasan Brunei 2035.

Seterusnya Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi:

1. Apakah projek-projek RKN10 yang telah dilaksanakan dan yang tertangguh?;
2. Apakah sebab-sebab pelaksanaan projek-projek berkenaan tertangguh?; dan
3. Ke manakah peruntukan projek yang tertangguh itu disalurkan?

Seterusnya Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri:-

1. Apakah peranan Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri?; dan
2. Apakah peruntukan penyelidikan boleh dipohonkan oleh para profesional kita bagi membuat kajian dan penyelidikan untuk manfaat bangsa dan negara. Contohnya, kajian dan penyelidikan inovasi?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan suka untuk menjawab sekarang?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau boleh ditangguhkan soalan itu.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya benarkan permintaan itu iaitu soalan yang dikemukakan akan dijawab **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada hari Sabtu. Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Saya mewakili Zon 2, Daerah Brunei dan Muara.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian. Saya ingin menyentuh balik Tajuk SA15A -Jabatan Tenaga dan Perindustrian:-

1. Seperti mana saya telah difahamkan bahawa mengikut taklimat Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian sebelum ini, gaji penuntut-penuntut PPK adalah sebanyak \$800 sebulan. Sedangkan bila penuntut-penuntut tersebut ditemu duga baru-baru ini gaji yang diberikan hanyalah \$400 dan \$400 selebihnya;

2. Saya juga ingin mengetahui status penuntut-penuntut lelaki yang bertugas di Pulau Muara Besar untuk yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sesuai pada masa ini dan sekarang mereka masih lagi tidak bekerja; dan

3. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, saya akan menyentuh mengenai dengan Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei:

i. Peranan Jawatankuasa Penapis Filem RTB bertanggungjawab untuk menapis meneliti rancangan-rancangan atau program televisyen khususnya yang dibeli di luar negeri agar sesuai untuk tayangan di negara ini. Pertanyaan saya berapakah jumlah peruntukan yang disediakan setiap tahun untuk pembelian rancangan-rancangan luar negeri?;

ii. Apakah rancangan-rancangan TV yang dibeli itu memang benar-benar sesuai dan berbaloi untuk penonton-penonton Negara Brunei Darussalam; dan

iii. Dengan pengurangan saluran-saluran RTB dari 5 kepada 3 sahaja dan rancangan luar negeri juga tentunya berkurangan. Kenapakah jumlah pegawai-pegawai penapis filem masih sama dan dikekalkan?

Saya juga akan menyentuh mengenai Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam:

1. Menyentuh mengenai penggunaan sistem ujian psikometrik untuk pengambilan jawatan B2. Adakah ia relevan dan sesuai untuk diperkenalkan dalam konteks Negara Brunei Darussalam? Di dapati ramai yang mengeluh akan susahnya untuk menembusi peringkat ujian walaupun mereka sebenarnya mempunyai kelulusan akedemik yang cemerlang dalam bidang mereka hanya disebabkan ujian psikometrik itu yang berasaskan matematik, fahaman teks, mereka terbengkalai di peringkat ujian dan tidak dapat membuktikan pengetahuan mereka di dalam peringkat temu duga. Bolehkah dikaji semula kesesuaian sistem ini dalam konteks Negara Brunei Darussalam dan bolehkah ia diperbaiki?

Mengenai wakil-wakil jabatan yang menemu duga seorang calon untuk mendapatkan jawatan contohnya jawatan Penolong Pegawai Pentadbir. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bahawa soalan-soalan yang akan dikemukakan atau dipertanyakan kepada calon-calon yang menemu duga hendaklah bersesuaian.

Saya juga difahamkan bahawa soalan yang dikemukakan kepada calon sangat mendukacitakan. Sepatutnya wakil-wakil jabatan yang menemu duga calon-calon itu adalah soalan yang berkenaan dengan jawatan yang tersebut ataupun

soalan berkenaan dengan jawatan-jawatan yang dipegang oleh calon itu.

Saya tidak menafikan Negara Brunei Darussalam adalah Negara Zikir dan Melayu Islam Beraja. Saya sokong tetapi soalan berkenaan dengan jawatan adalah tidak berkenaan. Pada waktu itu calon disuruh azan oleh penemu duga itu. Jadi, saya minta pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi untuk dapat dijawab perkara itu.

Soalan untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga. Sistem *PSC (Public Service Commission)* telah diperkenalkan sejak tahun 2015. Salah satu cara dan inovasi dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu mengadakan sistem *PSC, CAMs Computerise Assessment Management System* yang secara langsung menggunakan komputer dalam sesi ujian yang tidak memerlukan sebarang kertas.

Di sini berpendapat langkah-langkah seterusnya untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam membukakan menyediakan tempat SPA *Centre* di daerah-daerah lain, selain tertumpu di bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, untuk mengadakan ujian.

Ini adalah bagi memudahkan pemohon-pemohon atau calon-calon yang akan menduduki ujian mengikut daerah-daerah dan tempat tinggal yang berhampiran kerana

sistem *PSC, CAMs* yang serba canggih boleh saja di *log in* melalui *internet*;

2. Terdapat apabila waktu ujian telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kepada pemohon dan calon-calon, ada yang didapati memohon untuk menukar tarikh ujian kerana tidak dapat hadir pada waktu yang telah ditetapkan.

Persoalannya adakah pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dapat menyatakan garis panduan kepada calon-calon yang memohon memindahkan hari kepada hari yang lain? Adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memberikan peluang menduduki ujian setelah tidak hadir dari hari yang sepatutnya?

Begitu juga dengan temu duga. Terdapat calon-calon yang dibenarkan untuk menukar tarikh temu duga. Ada sebilangannya tidak dibenarkan dan ada sebilangannya dibenarkan mengambil ujian pada hari yang lain. Adakah pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempunyai garis panduan dan sebab-sebab untuk menilai keadaan seorang calon yang memohon menukar tarikh temu duga tersebut?

Saya juga akan menyentuh lagi mengenai Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Yang Berhormat Pengerusi, penjimatan tenaga elektrik melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya telah pun berusaha untuk menjimatkan tenaga elektrik sebilangan

lampu-lampu di jalan raya. Pertanyaan saya adakah sudah dipantau setelah proses penjimatan?

Adakah sudah dikaji dengan keadaan berjimat kerana lampu-lampu yang seharusnya terang di waktu malam sudah menjadi kurang cahaya di jalan raya? Dengan analisis terutama sekali pada waktu keadaan cuaca yang hujan lebat. Sebahagian jalan raya tidak dapat kelihatan kerana lampu jalan raya sudah separuhnya ditutup, bahkan membahayakan keselamatan pemandu-pemandu jalan raya. Ini juga terlibat di perkarangan jalan bersimpang 'T' atau bersimpan empat, *round about* dan lebih-lebih lagi jalan raya yang berbukit dan jalan raya yang ada line.

Di sini, saya berpendapat jika sekiranya dibuka lampu-lampu demi keselamatan pemandu-pemandu kereta di bahagian jalan raya tersebut.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Seperti soalan-soalan yang terdahulu, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, perkara itu akan diteliti dan akan dijawab barangkali pada hari Sabtu, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Di bawah Tajuk SA25A – Pusat Kebangsaan e-Kerajaan. Kaola merujuk kepada Kod 002/000 - Penyediaan Perkhidmatan Guna Sama dan Kod 005/000 - Keselamatan Siber. Kesenambungan ataupun *connectivity* sebahagian daripada kehidupan seharian.

Adakah terdapat protokol prosedur untuk memastikan sistem-sistem ini tidak akan terjejas disebabkan oleh faktor luaran terutama serangan seperti *hacking access* tanpa sengaja melalui *portable devices*.

Dengan perbelanjaan Pusat e-Kerajaan untuk menggunakan *crowd-based platform* untuk meluaskan lagi inisiatif *e-Services* di negara, adakah Jabatan ini mengambil langkah-langkah panjang bagi pemantauan keselamatan siber? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin mencelah tadi disebabkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan respons kepada salah satu daripada 4 soalan

kaola dan ada 2 lagi belum berjawab, ada 3 lagi tapi yang satu itu sama dengan soalan Yang Berhormat yang tadi yang telah pun direspons oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Soalan kaola yang belum berjawab itu ialah:

1. Mengenai isu penggunaan rakaman-rakaman lama yang sudah dirakamkan beberapa tahun yang lalu dan diulang-ulang siarannya istimewa khususnya pada bulan Ramadan sebulan-bulan; dan
2. Rangkaian rojak. Dua bahasa digunakan dalam satu rangkaian, 2 *DJ* satu Bahasa Inggeris satu Bahasa Melayu cakap dalam dua bahasa seorang Bahasa Melayu seorang Bahasa Inggeris. Terjemahkan yang Bahasa Inggeris itu ke Bahasa Melayu. Kaola rasa itu satu pembaziran juga dari segi sumber kitani dan dari segi kedaulatan bahasa pun kaola rasa banyak juga kadang-kadang isinya yang kurang sesuai. Itu sahaja yang kaola ingin mencelah. Mungkin Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh merespon ataupun bagaimana terpulanglah kepada menteri yang berkenaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar kenyataan yang telah dibuat

oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri mengenai soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai Tajuk Jabatan Perdana Menteri.

Maka saya berpendapat cukuplah sudah barangkali kita membincangkan mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan dan bagi kita untuk beralih kepada Tajuk-Tajuk yang lain. Sebelum itu, dengan ingatan bahawa mereka akan menjawab lagi pada hari Sabtu, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** beberapa perkara yang telah ditimbulkan tadi. Maka saya sekarang ingin untuk meneruskan perjalanan yang dibuat dengan mengundi Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Dan yang tidak bersetuju

(Tidak ada)

Terima kasih nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Jabatan Perdana Menteri bagi Tajuk O8A sehingga Tajuk O25A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita sudah selesai meluluskan Jadual bagi Jabatan Perdana Menteri. Saya telah difahamkan

bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II ingin membuat kenyataan seterusnya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih atas kesempatan ini. Kaola memohon izin di Dewan yang mulia ini agar Jadual Kementerian Kewangan ini akan lebih dahulu dibincangkan dan dibahaskan. Permohonan kaola ini bagi memudahkan kaola untuk dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab kaola dan atas sebab-sebab tertentu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar permohonan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II supaya cadangan Belanjawan Kementerian Kewangan dibincangkan dahulu dan dibahaskan. Maka saya tidak ada halangan mengenai perkara itu dan kita izinkan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua II untuk berbuat demikian.

Sekarang, kita akan beralih kepada Tajuk yang berkenaan itu.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kementerian Kewangan - Tajuk SD1A hingga Tajuk SD9A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang

membincangkan Kementerian Kewangan bagi Tajuk SD1A hingga Tajuk SD9A. Sebelum Tajuk - Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk memberi kenyataan pendahuluannya tentang terutamanya hala tuju Belanjawan Kementerian Kewangan yang disediakan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Kementerian Kewangan bagi Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

Sebelum Tajuk-Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya ingin memberi peluang Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk memberikan kenyataan pendahuluannya tentang terutamanya hala tuju bajet Belanjawan Kementerian Kewangan yang disediakan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Kaola memohon izin bagi menyampaikan secara ringkas mukadimah mengenai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan serta tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang Tahun Kewangan 2017/2018 Kementerian Kewangan dan

jabatan-jabatan di dalamnya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan lagi tahap produktiviti, keberkesanan kutipan hasil dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Inisiatif-inisiatif ini termasuklah bagi meningkatkan kutipan dan memperluaskan pendapatan kerajaan dari sektor bukan minyak dan gas oleh agensi-agensi kerajaan. Kementerian Kewangan telah antara lainnya membuat *audit selection* dengan menggunakan *risk-parameter* mengikut keutamaan dan mempercepatkan penyelesaian *assessment backlog* cukai *corporate*.

Bagi meningkatkan keberkesanan proses kutipan hasil kerajaan, Kementerian Kewangan akan melaksanakan projek '*One Common Billing System (OCBS)*' secara berperingkat-peringkat ke atas agensi kerajaan yang belum mempunyai *billing system*. Sistem ini bertujuan untuk mengeluarkan dan menguruskan bil tuntutan serta proses kutipan hasil-hasil kerajaan dengan lebih efisien.

Berhubung dengan pembangunan modal insan (*human capital development*), beberapa program telah dilaksanakan secara berterusan bagi mengukuhkan sumber tenaga manusia seperti Program Pembangunan Pengurusan dan Kepimpinan Kementerian Kewangan (*MOF Lead Program*), Program Latihan Berstruktur Tahunan Kementerian Kewangan

(*MOFPLB*), Program Pembudayaan Konsep Organisasi Pembelajaran *Learning Organisation (MOFLO)*, siri ceramah motivasi *talk series (MOF Motivational Talk and Talk Series)*, Program Mentoring Kementerian Kewangan (*MOF Mentor*) dan Program Induksi Kementerian Kewangan (*MOF Induction*).

Di samping itu, Kementerian Kewangan jua memperkenalkan *Brunei Darussalam Accounting Standard* yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018. Standard ini bertujuan untuk meningkatkan keputusan laporan kewangan entiti-entiti yang berkenaan.

Dalam usaha untuk memudahkan proses perdagangan pula Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah memperkenalkan *Program Sutra Lane Merchant Scheme* bermula 2 September 2017. Ini merupakan satu program pengiktirafan pelanggan yang bertujuan untuk memberikan keutamaan dan mempercepatkan proses meluluskan permit import dan eksport serta permohonan deklarasi yang dibuat oleh syarikat-syarikat terpilih untuk mengikuti program ini.

Program ini juga akan menggalakkan peningkatan tahap *compliance* bagi para pengimport, pengeksport atau ejen kastam terhadap prosedur, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa di negara ini.

Seterusnya Jabatan Perbendaharaan pula telah memperkenalkan *TAFIS e-Invoice Portal* mulai 4 September

2017. Portal ini memberikan kemudahan kepada pembekal untuk *upload invoice* secara *online* sekali gus meningkatkan *transparency* kepada pembekal.

Pada masa yang sama sistem ini jua boleh membolehkan setiap kementerian dan jabatan untuk dinilai dari segi pengurusan pembayaran dan meningkatkan tahap *accountability* setiap pegawai di kementerian atau jabatan berkenaan.

Mulai 23 Oktober 2017, Jabatan Perbendaharaan juga telah melarutkan perkhidmatan penghantaran *short message service (SMS Notification)* yang pada mulanya terhad kepada anggota perkhidmatan awam kepada syarikat-syarikat yang berurusan dengan kerajaan untuk memaklumkan status pembayaran tuntutan *invoice* yang telah mereka hadapkan. Inisiatif ini untuk meningkatkan lagi *transparency* perkhidmatan Kementerian Kewangan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Tahun Kewangan 2018/2019 fokus Belanjawan Kementerian Kewangan adalah untuk meningkatkan lagi tahap produktiviti sektor awam dan swasta melalui penyediaan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan serta infrastruktur yang dapat menyumbang kepada sumber ekonomi negara secara *sustainable*.

Oleh yang demikian, Pelan Tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada langkah-langkah seperti berikut:

1. Meningkatkan lagi usaha bagi mengurangkan tunggakan hasil daripada mana-mana pihak yang berkenaan kepada kerajaan;
2. Meningkatkan usaha untuk menambah hasil pendapatan kerajaan dengan mengukuhkan pengurusan dan pemantauan kutipan hasil serta meneliti sumber-sumber hasil baharu yang berpotensi tanpa menjejaskan dorongan yang berpendapatan rendah;
3. Memastikan perbelanjaan adalah mengikut perancangan dan hasil yang diperolehi berpandukan *KPI* yang ditetapkan; dan
4. Memastikan proses pembayaran adalah teratur dengan menepati Tekad Pemedulian Orang Ramai.

Secara ringkas, pada Tahun Kewangan 2018/2019 Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan keseluruhannya sebanyak \$747,328,313.00 seperti pecahan berikut:

1. Gaji Kakitangan keseluruhannya disokong sebanyak \$55,807,405.00; dan
2. Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak \$686,520,908,00.

Antara perbelanjaan di bawah kategori ini termasuk Perbelanjaan Berulang-Ulang di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan khusus bagi kegunaan guna sama bagi

semua kementerian dan jabatan kerajaan diperuntukkan sebanyak \$545,574,383.00 termasuk perbelanjaan Elaun Cuti dan Tambang. Lawatan Pakar dan Penasihat dan Elaun Pelajaran yang dipohonkan oleh pegawai dan kakitangan kerajaan.

Akaun fokus perbelanjaan antaranya bagi melaksanakan pembangunan kemajuan Perusahaan Kecil dan Sederhana sebanyak \$5 juta.

Pemeliharaan dan Meningkatkan Infrastruktur Tapak-Tapak Industri sebanyak \$4 juta;

Projek fokus sebanyak \$20 juta bagi membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus perbelanjaan negara;

Mendatangkan Tenaga Pakar dan Pengajar Mahir untuk Literasi dan Numerasi sebanyak \$15 juta;

Perkhidmatan Latihan Pengurusan Kecemasan *CAE* Brunei *MPTC* sebanyak \$4 juta; dan

Perbelanjaan Kemajuan disokong sebanyak \$5 juta dengan harga rancangan sejumlah \$10 juta bagi membiayai Projek penubuhan Bursa Saham, Negara Negara Brunei Darussalam yang sedang dalam pelaksanaan.

Yang Berhormat Pengerusi, sebelum kaola menutup, kaola memohon izin bahawa Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam *HMSS* di bawah Kementerian Kewangan yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup dan dipohonkan tidak dibincangkan.

Sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai maklumat dan panduan Ahli-Ahli Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah membentangkan Bajet Belanjawan Kementerian Kewangan bagi tahun ini dan penjelasannya yang diberikan adalah secara komprehensif.

Maka, sekarang saya persilakan buka Tajuk-Tajuk ini kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu bagi Jadual Kementerian Kewangan ini untuk dibahaskan.

Saya mempunyai senarai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan bahawa mereka suka untuk ikut serta dalam perbincangan ini dan sekarang saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II atas mukadimah itu tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola mengajukan pertanyaan, izinkan kaola mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada wanita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini serta seluruh kaum wanita di Negara Brunei Darussalam dengan tema pada tahun ini. *Fresh for Progress Ladies*, Selamat Hari Wanita Antarabangsa.

Hari Wanita Antarabangsa meraikan pencapaian wanita yang bertindak sebagai pemangkin ke arah perubahan positif dan inovatif yang dapat menyatukan komuniti negara. Tema bagi Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini, ialah *Fresh for Progress* yang menekankan perkembangan wanita seluruh dunia.

Kaola yakin tema Hari Wanita Antarabangsa ini memberikan semangat yang padu kepada wanita-wanita bukan sahaja di seluruh negara bahkan di seluruh dunia kerana kaola percaya pemerksaan wanita sangat penting dalam mendidik dan mewujudkan perubahan dunia dari berbagai-bagai aspek.

Kaola juga percaya wanita di seluruh dunia mempunyai peluang yang sama rata di setiap peringkat termasuk dalam dunia sosioekonomi, pemimpin, politik dan sebagainya.

Kaola yakin ia bukan sahaja mengenai kebebasan bagi wanita untuk membuat pilihan tetapi ia juga mengenai hak-hak wanita dengan membenarkan wanita-wanita untuk mengambil bahagian

sepenuhnya dalam masyarakat demi mencapai kejayaan. Memperkasakan para wanita akan dapat membantu dalam perubahan dan perkembangan sosioekonomi kerana ia satu proses yang berterusan.

Para wanita seharusnya dipelawa dan dibenarkan untuk memberikan pendapat dari sudut yang berbeza tapi idea untuk mencapai perubahan-perubahan yang mapan.

Apa yang penting ialah para wanita harus percaya mereka boleh memimpin diri mereka untuk melakukan sesuatu perubahan jika ada kesungguhan untuk menuju ke arah apa yang ingin dicapai.

Lakukan perubahan setiap hari walaupun hanya sedikit. *You do you, you be you, always stay true to yourself, be the best among the best.* Kaola ingin mengambil petikan dari seorang ahli parlimen dari UAE – *when women unite and work together they can move mountains, when women and men work together they can change the world.* Marilah kita sama-sama *empower man, and empower woman, empower youth, girls and boys and make Brunei great again.*

Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II atas penjelasan Yang Berhormat tadi dan merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II atas sambutan baik untuk mengadakan sesi yang berasingan bersama pihak-pihak kementerian untuk membincangkan

mengenai dengan peruntukan-peruntukan belanjawan di Tahun Kewangan yang akan datang.

Merujuk balik usul kaola pada hari kedua mengenai hasil dan perbelanjaan negara dan Tambahan Perbelanjaan (*Supplementary budget*).

Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai langkah berjimat iaitu langkah berjimat memang baik dan terpuji, tetapi jika ia dilakukan tanpa usaha ke arah pertumbuhan adalah sikap yang tidak dapat diterima.

Mengikut Petunjuk Prestasi Pertama, Kementerian Kewangan bagi tahun 2016/2017 bajet yang diluluskan iaitu \$5.6 bilion, perbelanjaan adalah \$6.252 bilion manakala hasil bajet \$3.161 bilion iaitu defisit sebanyak \$2.636 bilion. Dibandingkan dengan bajet yang diluluskan serta perbelanjaan bagi tahun itu ia ada melihat *difference* sebanyak \$572 juta.

Setiap tahun seperti mana yang difahami adanya tambahan perbelanjaan yang dipohonkan di bawah *supplementary budget* ia tidak pernah dibincangkan atau disuarakan pada sesi pembentangan perbelanjaan negara.

Soalan kaola:

1. Bagaimanakah cara untuk mengawal perbelanjaan kementerian-kementerian ini supaya tidak melebihi peruntukan yang telah

diluluskan untuk tahun kewangan yang seterusnya.

Ini untuk mencapai hasrat ke arah penjimatan kewangan dan *prudence spending* negara demi mengelakkan berlakunya perbelanjaan yang berlebihan;

2. Selepas mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat, sekiranya sasaran iaitu merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama sasaran 2021 terdapat masih mengatakan defisit tidak melebihi 3.5%. Bilakah agaknya dianggarkan *zero deficit* sekiranya tidak bergantung pada sektor minyak dan gas? dan
3. Mengenai keberkesanan dalam proses pembayaran. Menyentuh mengenai perkhidmatan *e-Invoice* melalui statistik kementerian-kementerian yang diperolehi melalui Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan semasa Hari Mesra Pelanggan tahun ini, masih ada kementerian-kementerian yang belum menyelesaikan kebanyakan pembayaran kepada pembekal-pembekal.

Kaola ingin mengetahui dengan lebih lanjut:

- i. Setakat manakah keberkesanan *e-Invoice* ini di peringkat kementerian-kementerian dan juga secara menyeluruh?
- ii. Adakah proses-proses yang dijalankan dalam penyelesaian

pembayaran *e-Invoice* kepada pembekal-pembekal yang terlibat?

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat mahu menjawab sekarang ataupun menjawab kemudiannya nanti.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin supaya soalan-soalan itu dijawab pada hari Sabtu sekali gus dengan soalan-soalan yang lainnya akan dikemukakan nanti, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya juga terlupa agak kluatir untuk tidak mencampuri perbincangan yang hangat yang sedang berlaku di seluruh dunia ketika ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa pada yang berkenaan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih atas usaha Kementerian Kewangan seperti yang disampaikan secara komprehensif tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Saya cuma merujuk satu perkara iaitu Tajuk SD01A - Kementerian Kewangan

mengenai Simpanan TAP dan SCP. Sebuah kajian yang dikongsi bersama-sama saya bersama seorang pakar dalam perancangan dan pengurusan kewangan serta persaraan di salah sebuah institusi pengajian tinggi tempatan kitani.

Beliau telah membuat satu simulasi kiraan mengenai TAP dan SCP, ia membuat saya tertanya-tanya. Apakah para pencarum dalam TAP dan SCP di seluruh negara mempunyai cukup simpanan untuk persaraan kitani nanti? Jawapan pendek dari beliau, tidak cukup. Namun izinkan saya untuk menghuraikannya sedikit.

Kiraan beliau berdasarkan untuk pegawai-pegawai di Bahagian III, IV dan V di dalam perkhidmatan kerajaan dan ini belum lagi termasuk bahagian-bahagian lain atau pun sektor swasta mahupun yang bekerja sendiri.

Kajian jua menyatakan kitani memerlukan sekurang-kurangnya 60% dari gaji terakhir sebelum bersara untuk hidup sederhana sahaja pada masa persaraan, sekurang-kurangnya untuk 20 tahun selepas bersara iaitu kadar jangka hayat negara menurut *Brunei Darussalam Key Indicators 2016* iaitu sehingga kira-kira 80 tahun bagi lelaki dan wanita. Kiraan ini juga tanpa mengira inflasi dan dengan anggapan pencarum tidak ada membuat pengeluaran awal dan kiraan ini juga termasuk sudah pencen tua.

Contohnya bagi *Division III*, seorang perlu mempunyai kira-kira \$1,300.00

sebulan selepas persaraan tetapi ini cuma dapat dicapai dengan dividen TAP sekurang-kurang 4.48% setahun. Manakala bagi *Division IV* ia memerlukan kira-kira \$920.00 sebulan dengan dividen TAP sekurang-kurangnya 3.62%. Dan bagi *Division V* mereka memerlukan kira-kira \$600.00 sebulan dan ini cuma boleh dibuat dengan kiraan 4.34% dividen setahun.

Rata-rata bagi semua pekerja *division* ini sekiranya kitani masih memakai dividen TAP yang dilaporkan pada tahun 2017 iaitu 2% setahun untuk mencapai jumlah tersebut caruman daripada pihak kerajaan dan potongan pencarum mestilah 2 kali ganda daripada yang kitani pakai sekarang. Adakah yang itu yang kitani mahukan?

Sering kali juga dalam permuzakarahannya kitani, dan juga dalam Dewan majlis yang mulia ini seruan dan cadangan untuk dinaikkan dividen ini tapi diharap dengan kiraan mudah tadi itu membuka mata kitani akan isu TAP ini.

Memanglah ada produk-produk takaful dari pihak swasta namun tidak semua mampu mengikutinya, juga diambil baik program-program celik kewangan yang diusahakan di peringkat kebangsaan.

Dengan keterangan ini, sudah tiba masanya kitani untuk memikirkan semula strategi mengenai TAP dan SCP memandangkan pada tahun ini genaplah 25 tahun ia diperkenalkan.

Antara strategi yang dapat saya cadangkan di sini ialah:

1. Mengongsikan bersama-sama orang awam prestasi kewangan tahunan atau *annual financial performance* untuk menilai semula atau *review* dengan juga membuat kajian komparatif atau *comparative studies* bersama-sama negara lain;
2. Difahami kitani membuat pelaburan yang cukup *low-risk* dalam melabur TAP dan SCP akan tetapi jika ditanda aras dengan salah sebuah negara jiran simpanan hari tua mereka dividen paling rendah ialah 4.5% dan paling tinggi ialah 6.9% dan puratanya ialah 6.02%.

Apakah strategi kitani untuk meningkatkan dividen TAP dan SCP kitani dan tidak hanya mengharap lebih kurang dalam 2% setahun itu sahaja kerana saya percaya generasi sekarang yang akan menghadapi perkara ini pada waktu mereka pencen atau akan pencen pada tahun 2035 nanti. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II

atas pembentangan Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan mengemukakan Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Mulai dari 1 April 2017 cukai import beberapa barangan telah pun diturunkan dengan tujuan untuk meningkatkan perkembangan perusahaan dan perniagaan serta mengurangkan penduduk negara ini untuk membeli belah keperluan harian di luar negara juga membeli alat-alat ganti kenderaan dan membaiki kenderaan di luar negara.

Kini, alat ganti kenderaan berat telah diturunkan dari tarif cukai 20% kepada 5% dan dari 5% menjadi 2.5% dan ada yang 0%. Penurunan ini untuk mengurangkan harga barangan yang berkenaan.

Soalan kaola, kenapakah harga sesetengah barangan masih lagi tinggi malah lebih mahal daripada sebelumnya. Sebagai contoh, harga tayar yang dahulunya \$90.00 sekarang sudah menjadi \$98.00 sebiji?

Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan. Jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan \$21,686,190.00, Kod 00300 - Pengurusan Kemudahan-Kemudahan Kewangan Kerajaan dan Perbekalan iaitu Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 berjumlah \$4,102,120.00 sahaja.

1. Elaun Sara Hidup iaitu bagi pesara berpencen sememangnya ada menerima Pencen Perkhidmatan dan

menerima juga Elaun Sara Hidup tetapi bagi pesara penerima skim TAP tidak ada menerima Elaun Sara Hidup sedangkan mereka juga adalah sama berbakti dan berjasa kepada negara melalui jawatan dan tugas masing-masing;

Pesara-pesara penerima skim TAP menerima wang persaraan berdasarkan gaji pokok masing-masing. Wang persaraan tersebut sekadar boleh bertahan untuk paling lama 3 tahun untuk perbelanjaan dan keperluan harian. Selepas itu tidak ada langsung mereka terima. Berbeza dengan pesara berpencen yang sentiasa menerima pencen mereka sehingga akhir hayat.

Soalan kaola, adakah pemikiran untuk memberikan pertimbangan bagi melaksanakan penyelarasan mengenai Elaun Sara Hidup ini agar pesara skim TAP sama-sama menikmatinya; dan

2. Skim Pesaraan Caruman Tambahan (*SCP*) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010, Surat Keliling Kementerian Kewangan 1/2009. Skim ini merupakan skim pesaraan tambahan kepada pekerja skim *TAP*.


Tujuan utama skim *SCP* ini untuk memastikan semua peserta skim *SCP* yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan menerima bayaran pendapatan bulanan *minimum annuality* \$150.00 setelah mencapai umur 60 tahun. Melalui skim ini yang menjamin bayaran

sebanyak \$150.00 dan dicampur dengan bayaran pencen tua sebanyak \$250.00.

Para peserta akan menerima pendapatan bulanan keseluruhan menjadi sebanyak \$400.00. Tetapi pada kenyataannya tidak terlaksana sepenuhnya. Contohnya, ada yang hanya menerima skim *SCP* \$40.00 sahaja. Kaola ingin pencerahan mengenai permasalahan ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:



Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

1. Pada masa ini, barangan elektronik dicukai sebanyak 5%. Adakah pihak jabatan dapat menimbangkan untuk memberi insentif bebas cukai bagi produk-produk yang mesra alam sekitar (*ecofriendly*) khususnya teknologi panel solar (*solar panel*). Ia mampu untuk menggalakkan orang ramai untuk menggunakan tenaga solar untuk menyumbang kepada penjimatan tenaga dalam jangka masa yang panjang. Ini selari dengan sasaran pihak kerajaan bagi mencapai penggunaan *renewal*

energy sebanyak 10% pada tahun 2035 dengan meningkatkan penggunaan teknologi tenaga yang boleh diperbaharui yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian pagi tadi; dan

2. Kaola ingin merujuk pada Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan mengenai dengan peminjaman wang tidak berlesen. Sejauh manakah pemantauan yang dibuat oleh kementerian dalam mengurangkan masalah ini? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته - بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola dengan hormat sukacita memohon juga bersama ingin menghadapi persoalan dalam Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Pengerusi, pada menyambut dan menandai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Istiadat Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini yang mana telah menyentuh tentang tindakan tegas terhadap penguatkuasaan akta yang telah diperkenalkan.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja salah satu agensi kerajaan yang berperanan antaranya berperanan terhadap kawalan masuk barang sama ada yang dibolehkan atau yang ditegah.

Yang Berhormat Pengerusi. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** salah satu pos kawalan yang ada di negara ini contohnya, ialah Pos Kawalan di Sempadan Sungai Tujuh, Pegawai Kastam telah turun memeriksa satu demi satu kenderaan yang melalui kawasan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, adalah dipohonkan supaya pemeriksaan ini perlu lagi diperketatkan secara lebih konsisten dan bukan sahaja pada waktu-waktu musim tertentu sahaja dengan gabungan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lainnya.

Dengan cara ini juga akan dapat membantu mencegah kemasukan barang-barang yang terlarang seperti rokok dan barang-barang yang lainnya yang ditegah keras ke Negara Brunei Darussalam.

Di samping ketegasan tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan, malahan juga pencegahan dan kawalan masuk juga perlu diambil serius secara berterusan bukan sahaja di pos kawalan malahan juga mungkin ada jalan-jalan lain atau disebut "jalan tikus" atau cara

lainnya jenayah penyeludupan yang belum terkesan.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja permohonan dan pertanyaan yang dihadapkan.

Yang Berhormat Pengerusi:
Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @

Othman: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera.

Kaola mewakili Zon 2, Daerah Brunei dan Muara. Lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Kaola akan menyentuh mengenai Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan:

1. Sebagaimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya pencari-pencari pekerjaan tidak sepatutnya memilih kerja semata-mata untuk berkhidmat dengan kerajaan sahaja.

Seperti yang dimaklumi pada masa ini penjawat-penjawat awam atau kakitangan kerajaan dihulurkan dan menikmati berbagai-bagai

kemudahan antaranya adalah beberapa elaun seperti Elaun Kurnia Khas di antara \$150 hingga \$200 sebulan dan Elaun Sara Hidup antara \$80 hingga \$120 sebulan.

Oleh sebab itu kita menggalakkan pencari-pencari pekerjaan supaya bekerja di mana-mana syarikat swasta, maka sudah tiba masanya supaya pemberian elaun-elaun tertentu seperti Elaun Kurnia Khas dan Elaun Sara Hidup berkenaan juga dihulurkan kepada pekerja-pekerja syarikat swasta. Dengan cara ini kaola berpendapat tidak timbul lagi soal memilih pekerjaan.

Di mana-mana juga tempat bekerja sama ada dalam perkhidmatan pekerjaan ataupun perkhidmatan swasta kerana kemudahannya sama belaka.

2. Pada masa ini negara terdapat 2 buah syarikat yang memberikan perkhidmatan telefon selular iaitu *DST* dan *Progresif*. Kedua-dua syarikat ini dipunyai oleh pihak kerajaan melalui syarikat subsidi. Dengan jumlah penduduk di negara ini hanya lebih kurang 400 ribu orang.

Saya ingin mengetahui adakah perlu bagi 2 buah syarikat kerajaan bersaing antara satu sama yang lain dan adakah tidak lebih berkesan dari segi kos (*cost effective*) segi tenaga kerja (*manpower*) dari segi sistem dan peralatannya yang digunakan? Jika 2 buah syarikat ini

digabungkan menjadi satu syarikat yang akan dapat menumpukan ke arah pembangunan komunikasi yang lebih berkesan di negara ini dan juga akan dapat memberikan khidmat konsultant dan perkhidmatan ke luar negeri.

Yang Berhormat Pengerusi. Sejak penubuhan TAP yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 1991, penubuhan skim ini antara lain bertujuan memberikan kemudahan perlindungan sosial bagi menampung hari tua rakyat dan penduduk di negara ini. Sama ada yang berkhidmat di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Soalan kaola:

1. Sejauh manakah sudah pencapaian TAP yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dapat memberikan kepuasan untuk keselesaan hidup warga tua yang terlibat dalam skim ini;
2. Mengapa kadar keuntungan dana TAP tidak begitu menggalakkan iaitu hanya 1% hingga 2% sahaja. Sedangkan umur TAP ini sudah melebihi 26 tahun dan ia tidak nampak akan perkembangan TAP ini dari segi peningkatan

ekonominya. Adakah TAP sudah mempunyai pakar ekonomi untuk mendapatkan keuntungan wang yang lebih besar lagi, seperti aktiviti Agensi Perlaburan Brunei?

3. Pada masa ini bilangan kereta ini semakin bertambah dari setahun ke setahun adakah TAP mempunyai cadangan untuk memberikan wang pinjaman (*loan*) bagi membeli kenderaan dengan had-had harga yang tertentu untuk penjawat awam (kakitangan kerajaan) dengan kadar faedah (*interest*) yang berpatutan dan munasabah? dan
4. Selain pinjaman untuk membeli kenderaan, wang kutipan TAP boleh juga dilartkan pembelian bagi alat-alat perabot rumah dan lain-lain alat yang diperlukan untuk rumah tangga. Dengan skim pinjaman (*loan*) ini sudah tentu dapat menambahkan lagi hasil pendapatan TAP yang pada masa ini dan sudah tentu pihak kerajaan (TAP) akan memberi lebih lagi dari 5% yang ada pada masa ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Putera Maharaja Dato Paduka
Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin
Datu Pekerma Dewa Dato Paduka
Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam membincangkan Anggaran Perbelanjaan 2018 bagi Jabatan Kementerian Kewangan. Kaola ingin rujuk kepada Tajuk 001/000 - Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat dalam Tajuk 001/002 ada dicatatkan Pengurusan Pegawai Pinjaman. Izinkan kaola bertanya, adakah yang dimaksudkan dengan pegawai pinjaman itu sama dengan pegawai luar yang dikontrak dalam masa-masa yang tertentu?

Kaola ingin mengetahui apakah skop yang diliputi dalam peruntukan ini yang menunjukkan \$1,254,795.000? Adakah ia termasuk keistimewaan-keistimewaan yang diberikan oleh pegawai-pegawai berkenaan? Kaola ada mendengar banyak yang berbeza dengan negara-negara lain sehingga mereka itu menikmati skim perkhidmatan yang baik sehingga mampu bertahan di sini beberapa lama dan ada juga yang sudah menukar status menjadi orang-orang Brunei.

Kaola hanya ingin penjelasan apa skop yang diliputi oleh perbelanjaan ini dan apakah ia sama dengan yang

dimaksudkan dengan Pegawai Kontrak itu?. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji
Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Saya membawa Tajuk SD01A. Sebahagian kita mengatakan sebilangan belia kita memilih kerja. Memang diakui orang Brunei terpaksa memilih kerja disebabkan beberapa sebab.

Gaji yang terlalu rendah ada yang sekadar rendah \$300 sebulan. Ini pun dengan perbelanjaan pengangkutan sendiri, makan sendiri, tanpa sebarang insentif, sedangkan pekerja asing disediakan pengangkutan, kediaman, makan dan sebagainya.

Ini sangat-sangat menyedihkan bagi pekerja-pekerja tempatan. Ini menjadikan keperluan Negara Brunei Darussalam patut menciptakan gaji minimum kebangsaan dan juga beberapa insentif seperti peruntukan makan waktu bekerja, elaun pengangkutan dan bonus tahunan. Peruntukan makan waktu bekerja adalah suatu perkara yang patut dimestikan.

Setakat ini selain tawaran gaji yang terlalu rendah, apakah ada kelebihan-kelebihan yang ditawarkan oleh pihak swasta bagi membantu *survival* rakyat Brunei untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan sebelum ia ditawarkan kepada pekerja asing.

Saya kira perkara ini perlu kerjasama daripada pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada masa ini, insentif-insentif hampir tidak ada dan ini membuatkan orang-orang tempatan sukar untuk mengambil peluang-peluang kerja tetapi sebahagian orang kita terpaksa bekerja untuk menghidupkan diri dan keluarga di samping memohon bantuan *MUIB* dan *JAPEM* dan juga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam masa yang sama kemudahan-kemudahan yang dipohonkan kepada kerajaan seperti perumahan dan sebagainya lebih mengutamakan penjawat-penjawat awam, pekerja-pekerja swasta yang bergaji tinggi. Sementara pemohon yang bergaji \$500 ke bawah bagaimana untuk mendapat kemudahan yang ada di Negara Brunei Darussalam, kerana adanya kesukaran untuk pembayaran balik seperti yang dipohonkan.

Jika mendapat kemudahan pinjaman kewangan *loan* kereta, masuk universiti diperlukan penjamin pegawai kerajaan dan pekerja-pekerja swasta yang bergaji tinggi, sedangkan untuk mendapatkan penjamin-penjamin sangat sukar sekarang ini. Ini

menunjukkan mereka yang bekerja swasta bergaji rendah sukar mendapat kemudahan yang ada dalam Negara Brunei Darussalam.

Apakah pihak kementerian mempunyai perancangan sekurang-kurangnya mengimbangi sedikit kemudahan-kemudahan yang ada dalam sektor awam? Sedangkan penjawat awam melalui gaji pokok walaupun hanya sekadar \$500 tetapi mempunyai insentif-insentif tertentu. Maka dipohonkan perkara ini dapat dirundingkan dengan pihak swasta yang berniaga di Brunei yang tanpa ada cukai-cukai pendapatan dan sebagainya.

Sekian Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Adakah lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membahaskan ataupun bertanya mengenai Tajuk yang kita bincangkan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar banyak soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan bajet belanjawan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan II akan memberikan jawapan ataupun responsnya pada hari Sabtu yang akan datang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Dengan itu saya berpandangan ada baiknya kita berhenti dahulu untuk membincangkan Rang Undang-Undang ini dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Kita telah pun bersidang sehari suntuk dan telah membincangkan banyak perkara serta meluluskan Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kita masih menimbang Belanjawan Kementerian Kewangan. Saya dengan itu ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan Mesyuarat kita pada petang ini dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 10 Mac 2018 pukul 9.00 pagi. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat di tangguhkan)